

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 17, 2019 12:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SUKUUM Mekanisme Budayakan Gaya Hidup Sihat



17 MAC 2019 / 10 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SUKUUM MEKANISME BUDAYAKAN GAYA HIDUP SIHAT



UUM ONLINE: Kejohanan Sukan Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) adalah mekanisme terbaik bagi membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga universiti khususnya pelajar.

Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Asmirul Anuar Aris berkata, kejohanan tersebut boleh menjadi mekanisme terbaik untuk memupuk kerjasama berpasukan tanpa mengira latar belakang atlet terlibat.

Menurutnya, UUM juga telah berjaya menghimpunkan pelajar yang bukan hanya untuk membudayakan gaya hidup sihat, tetapi membina jati diri dan semangat juang.

“Jadikan penglibatan dalam kejohanan ini sebagai satu pengalaman sepanjang berada di universiti untuk membentuk bakal pemimpin masa hadapan yang aktif dan sihat, seterusnya meningkatkan produktiviti negara,” katanya pada Majlis Perasmian Kejohanan Suku UUM 2019 di Stadium UUM, Jumaat lalu.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, penganjuran Suku UUM adalah untuk memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar.

Menurutnya, ia juga menjadi platform terbaik untuk mengenal pasti bakat-bakat baharu untuk diketengahkan sebagai atlet yang berpotensi untuk mewakili universiti ke kejohanan sukan peringkat kebangsaan seperti MASUM dan SUKIPT.

“Saya harap semua atlet dapat memberikan persaingan yang sihat, di samping dapat merapatkan hubungan sesama pelajar.

“Amatlah diharapkan juga semangat juang dan berdaya saing ini bukan sahaja dalam bidang sukan, malah dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian pelajar kerana dengan badan sihat dan minda cerdas akan membantu meningkatkan produktiviti,” katanya.

Tambah beliau lagi, diharap kejohanan sukan itu dapat melestarikan kecergasan dan kecerdasan, seterusnya membentuk kemantapan kepimpinan yang berwibawa pada masa hadapan.

Suku UUM 2019 secara rasminya bermula 15 Mac hingga 27 Mac ini melibatkan tujuh acara sukan iaitu bola jaring, bola keranjang, skuasy, sepak takraw, kayak, merentas kampus dan petanque yang diadakan sekitar Kompleks Sukan UUM.

Suku UUM dijalankan dalam bentuk dua fasa yang mana fasa pertama berlangsung mulai 15 hingga 27 Mac, manakala Fasa 2 pula pada bulan Oktober depan.

Pada majlis sama turut diadakan pelancaran Skim Kaca mata Atlet dan penyerahan replika cek penajaan Suku UUM oleh syarikat cermin mata, OPTOM.

Mengakhiri majlis, Inapan Siswa (INASIS) Grant telah menjadi juara Kontinjen Terbaik Suku UUM dan Pasukan Sorak Terbaik Suku UUM dimenangi INASIS TM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.